

Berhempas pulas demi sesuap nasi, menyara persekolahan semua anaknya

Ibu sindrom Down gigih bela 7 anak

Oleh SITI NORIZAT SHIKH ABD. JALIL
utusanphahang@utusan.com.my

KUANTAN 2 Sept. – Seorang suri rumah yang menghadapi sindrom Down terpaksa mengharungi kepayahan hidup bersama tujuh anaknya sejak ditinggalkan suaminya kira-kira empat tahun lalu.

Dengan hidup umpama ‘kais pagi makan pagi, kais petang makan petang’, Norhayati Mohd. Ariffin, 35, terpaksa berhempas pulas mencari rezeki demi menyara semuanya anaknya yang masih bersesekolah.

Menurut Norhayati, mereka sekeluarga terpaksa bergantung harap kepada abangnya, Mee Mohd. Ariffin, 43, yang bekerja sebagai tukang cat untuk menyara keluarga dan adakalanya dia mengambil upah menyiang ilan di Kawasan Empat Tiga Galinya dengan bayaran RM10 sehari.

“Nasib baik di rumah setiap peringgal arahw emak. Dapatlah kami bukan anak berteduh di sini walupun serba kekurangan,” katanya yang lebih 17 tahun tinggal di rumah tersebut di Kampung Java di sini.

Bagi Norhayati, bila pun dalam kesusahan, dia tidak akan seksekal mengabaikan persekolahan anak-anaknya iaitu Norafizir, Mas, 15; Norasmadiana, 14; Mohd. Zukarnain, 12; Mohd. Zulalif, 10; Siti Hawa, 9; Norasyikin, 7, dan Adam Alif, 6.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di rumah Norhayati hari ini mendapati, premis itu yang seumpama pondok usang tiada bekalan air memandangkan tapaknya merupakan rizab jalan.

Berikutnya itu, suri rumah terbabit terpaksa mendapatkan bekalan air dari rumah jiraninya dengan bayaran



NIK Naizi Hussin (kanan) menyampaikan barang keperluan dan wang tunai kepada Norhayati Mohd. Ariffin (dua kanan). Turut menyumbang ialah Anuar Abdul Aziz (kiri) dan Nasiruddin Nasrun (belakang, kanan) di Kampung Java, Kuantan, semalam.

RM20 sebulan.

Sementara itu, menurut Mee, adiknya yang tinggal di rumah setinggan tersebut menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM450 sebulan.

“Saya hanya bantu apa yang termampu sebab saya sendiri pun bukan orang senang. Selagi ada daya, saya akan lakukan apa sahaja tambahan pula saya kasihan melihat mereka setiap hari terpaksa mengangkat air dari rumah jiran

untuk kegunaan harian,” katanya.

Dalam pada itu, menyedari nasib malang keluarga terbabit, Kelab Media Pahang (KMP) tampil memberikan sumbangan wang tunai dan barang keperluan harian bagi meringankan beban keluarga itu menjelang Hari Raya Aidilfitri ini.

Sumbangan disampaikan Presiden KMP, Nik Naizi Hussin pada satu majlis di sini bertujuan berkongsi kegembiraan Syawal serta meringan-

kan beban wanita tersebut dalam menjaga tujuh anaknya.

“Semoga tradisi mengambil berat seperti ini akan kekal dalam hati rakyat Malaysia,” katanya.

Turut menyumbangkan bantuan ialah Pejabat Kebajikan Negeri Cawangan Universiti Malaya Putrajaya (UMPD) di sini dan Anuar Abdul Aziz dan Buah Gambang Resort City diwakili Pengarah Perhubungan Awamnya, Nasiruddin Nasrun.